

STATUS KEWANGAN DAN TEKAPAN DALAM KALANGAN MAHASISWA

Norain Mod Asri
Norlaila Abu Bakar
Iman Athira Laili
Suhaila Saad
Pusat Pengajian Ekonomi
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengenalan

Dewasa ini, rata-rata masyarakat mengeluh dengan peningkatan kos sara hidup tidak kira di bandar mahupun luar bandar. Hatta mahasiswa yang belajar di kolej dan universiti juga merasai bahang dan kesan kenaikan kos sara hidup dalam kawasan kampus sendiri. Walaupun mahasiswa tidak sebebani isi rumah lain yang sudah berkeluarga serta mempunyai komitmen untuk membayar ansuran hutang bulanan, tetapi status sebagai pelajar menuntut agar mereka sentiasa komited dengan pembelajaran agar mencapai keputusan akademik seperti yang bukan sahaja mereka kehendaki, tetapi juga dikehendaki oleh penaja dan keluarga. Apa jua masalah yang datang tidak boleh dianggap sebagai penghalang jika mereka ingin berjaya dalam akademik. Namun, apabila golongan pelajar ini berhadapan dengan masalah ketakcukupan kewangan dalam situasi kos hidup yang tinggi, maka mereka mudah terdedah kepada tekanan. Di sini muncullah isu sama ada pelajar tersebut mampu menangani tekanan dalam menguruskan kehidupan seharian.

Sebenarnya, walaupun golongan mahasiswa sememangnya mempunyai kekangan dari segi kewangan, namun sekiranya mereka berupaya untuk mengurus kewangan dengan baik, maka mereka boleh terhindar daripada terjebak dengan masalah kewangan dan tekanan yang melampau. Tetapi menurut Rubayah *et al.* (2015), secara puratanya tahap literasi kewangan dalam kalangan pelajar masih pada tahap sederhana. Jelas sekali bahawa masih banyak dalam kalangan pelajar tidak mampu menguruskan kewangan dengan baik. Maka tidaklah menghairankan apabila terdapat segelintir pelajar yang membelanjakan wang yang ada bukan untuk keperluan akademik, tetapi untuk hiburan seperti melancong bersama-sama rakan (Noor' Alim, 2005). Perlu diingatkan bahawa pengurusan kewangan yang tidak cekap boleh menyebabkan seseorang itu tidak dapat mengawal tekanan dengan baik, lantas ia turut memberi kesan terhadap kehidupan seharian mereka seperti menjadikan seseorang itu murung dan mendapat penyakit fizikal (MacGeorge

& Samter, 2005) serta boleh memberi kesan negatif terhadap pencapaian akademik pelajar (Cude *et al.*, 2006).

Untuk itu, kajian ini akan mengupas isu berkaitan hubungan antara status kewangan dengan tahap tekanan dalam kalangan mahasiswa di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kajian ini memberi sumbangan signifikan kepada bidang pengurusan kewangan memandangkan kebanyakan mahasiswa FEP merupakan golongan yang sepatutnya telah diberi pendedahan akademik secara formal berkaitan pengurusan kewangan. Buat makluman, aspek pengurusan kewangan telah diterapkan ke dalam silibus (sukatan akademik) bagi subjek (kursus) teras seperti Kewangan, Ekonomi dan Keusahawanan, yang mana pelajar FEP dikehendaki mengambil subjek tersebut sejak tahun pertama pengajian lagi. Dalam masa yang sama, bagi mempelbagaikan kemahiran insaniah yang dimiliki, maka pelajar FEP juga dikehendaki mengambil kursus citra dan menghadiri ceramah berkait dengan pengurusan kewangan yang turut melibatkan penceramah daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) serta Permodalan Nasional Berhad (PNB). Oleh itu, kajian ini dapat mengungkai persoalan sama ada golongan yang telah terdedah dengan pengurusan kewangan mampu mengurus kewangan dan tekanan mereka dalam kehidupan seharian yang semakin mencabar. Lantas, secara langsung dapatan kajian ini penting kepada pembuat dasar untuk merangka dasar ke arah pembentukan masyarakat Malaysia yang lebih seimbang dan harmoni.

Sorotan Kajian Lepas

Kewangan

Dalam dunia yang semakin moden ini, kita tidak lari dari pelbagai cabaran hidup yang semakin kompleks. Lantas, wujud persoalan sama ada golongan pelajar mampu berhadapan dengan konflik kewangan, iaitu konflik dari segi peruntukan pendapatan dan perbelanjaan pada sepanjang tempoh pengajian mereka berikutan kemerosotan ekonomi yang berlaku. Hal ini semakin kritikal apabila pelajar sering kali merasakan keperluan mereka semakin meningkat walaupun pada masa itu, elaun, biasiswa ataupun pinjaman tidak bertambah setiap tahun yang mendorong kepada berlakunya peningkatan dalam perbelanjaan mereka (Hallman & Rosenbloom, 1993). Selain itu, peningkatan harga barangan keperluan asas turut memberi kesan yang sangat besar kepada golongan yang masih bergelar pelajar kerana rata-rata daripada golongan ini belum memiliki pendapatan sendiri (Nurhafizah & Muhammad, 2017). Sebahagian pelajar juga dilihat lebih banyak berbelanja untuk keperluan seperti pengangkutan dan pakaian sedangkan dua item tersebut tidak menjamin dalam peningkatan prestasi akademik mereka. Menurut kajian

oleh Wan Mustafa *et al.* (2013), secara keseluruhan hasil kajian mendapati bahawa pelajar kebanyakannya menghabiskan perbelanjaan mereka ke arah bukan akademik berbanding dengan akademik. Ketidakmampuan pelajar untuk menguruskan kewangan dengan baik seperti inilah yang akan menyebabkan mereka terperangkap dalam masalah kewangan. Kekurangan pengetahuan dan kemahiran merancang kewangan boleh mendatangkan masalah kewangan kepada individu itu sendiri (Mohd Fazli *et al.*, 2006). Literasi kewangan merupakan faktor paling penting kepada amalan pengurusan kewangan yang baik dalam kalangan pelajar (Aisyah & Wajeiha, 2016).

Sebenarnya, konflik kewangan tersebut timbul disebabkan wujudnya kekeliruan dalam mengenalpasti antara barangan keperluan atau kehendak dalam kalangan pelajar berikutan kurangnya ilmu tentang pengurusan kewangan dalam diri mereka (Dacyczyn, 2011; 2014). Bagi pelajar yang mempunyai pengetahuan pengurusan kewangan pula, kebanyakannya tidak menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang ada dalam pengurusan kewangan mereka (Sorooshian & Tan, 2014). Ini kerana segelintir pelajar merasakan apabila mereka berada jauh dari keluarga, maka mereka bebas untuk melakukan apa-apa sahaja tanpa diawasi termasuklah perbelanjaan harian yang melampau (Netty Zahura, 2006). Dalam masa yang sama, kemasukan elaun pada setiap semester juga telah dibelanjakan oleh pelajar tanpa mengasingkan wang untuk keperluan akademik dan juga kesihatan. Sebaliknya, mereka ada menggunakan wang tersebut untuk hiburan seperti menonton wayang dan bercuti bersama-sama rakan-rakan (Noor A'lim, 2005).

Masalah kewangan merupakan antara faktor yang mendorong pelajar untuk melakukan kerja sambilan (Tamar Jaya & Norsyahidah., 2010; Suhaila *et al.*, 2016) Justeru, ramai pelajar mengambil langkah untuk membuat kerja sambilan seperti berniaga ataupun bekerja di kedai makan. Walaupun kerja sambilan membantu pelajar untuk mendapatkan wang saku lebih, tetapi pelajar akan berhadapan dengan risiko tidak dapat memberi tumpuan dalam pembelajaran kerana letih bekerja serta tidak dapat menyiapkan tugas yang diberikan di sekolah ataupun universiti. Bekerja sambilan telah menyebabkan pelajar kurang fokus pada pelajaran (Noraziah *et al.*, 2008). Perkara ini sepatutnya dapat dielakkan kerana kebanyakan pelajar mempunyai persepsi yang baik serta sedar terhadap kepentingan pengurusan kewangan yang sistematik, tetapi disebabkan oleh kurangnya dorongan dan motivasi, maka mereka tidak mampu untuk menguruskan kewangan mereka sendiri dengan sebaik-baiknya. Catatan belanjawan yang sistematik sangat diperlukan oleh pelajar kerana dengan adanya belanjawan, maka mereka dapat mengenal pasti ke mana wang mereka disalurkan setiap hari (Barjoyai & Fairuz, 1996).

Tekanan

Tekanan adalah satu keadaan yang mana seseorang itu berada dalam keadaan resah dan cemas. Terdapat dua jenis tekanan, iaitu tekanan mental dan fizikal (*Kamus Dewan*, 2005). Kedua-dua tekanan ini akan bertindak balas terhadap perubahan sekeliling yang memerlukan seseorang untuk menyesuaikan emosi, fizikal dan mental mereka. Terdapat banyak faktor yang menyebabkan seseorang itu berada dalam keadaan yang tertekan dan mengalami gangguan emosi, antaranya ialah ingin mencapai keputusan peperiksaan yang cemerlang (*Chai et al.*, 2004). Hal ini sering berlaku dalam kalangan pelajar akibat desakan daripada diri sendiri mahupun keluarga. Apabila mereka tidak dapat mencapai tanda aras yang diinginkan, maka emosi akan terganggu dan seterusnya memberi kesan kepada mental serta fizikal mereka (*Mastura et al.*, 2007).

Selain itu, Kajian oleh Nuur Haziratul (2012) menyatakan salah satu punca tekanan dalam kalangan pelajar adalah disebabkan masalah kewangan di mana pelajar cenderung untuk berasa rungsing dan bimbang yang berterusan yang akhirnya mencetuskan ketegangan dalam diri. Pengurusan kewangan yang tidak baik juga turut menyebabkan pelajar mengalami tekanan mental dan fizikal (*Misra & Mckean*, 2000) sehinggakan mereka kurang tidur, sakit, murung, resah dan sering menyendiri (*Redhwan & Samir Karim*, 2009; *Wright*, 1967). Namun, tidak semua orang akan mengalami simptom psikologi ini walaupun mereka mengalami masalah besar seperti masalah kewangan. Hal ini kerana setiap orang akan mempunyai daya tahan terhadap tekanan yang berbeza. Sebagai contoh, bagi pelajar yang bermotivasi tinggi, apabila dia menghadapi masalah, malah pelajar itu menjadikan masalah tersebut sebagai satu penggerak untuk berjaya. Hal ini bermakna pelajar tersebut berupaya untuk menangani tahap tekanan skor tinggi kepada skor rendah. Sememangnya dalam kes pelajar, wujud hubungan yang signifikan antara tahap tekanan, pencapaian akademik dan daya tindak pelajar (*Azam*, 2007). Tetapi, apa-apa yang penting adalah setiap individu perlu berfikiran positif bagi memudahkan mereka memperoleh jalan penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi.

Walaupun begitu, tidak dinafikan bahawa persekitaran yang memerlukan hubungan interpersonal antara satu sama lain juga menjadi penyebab kepada tekanan mental dan fizikal. Ini kerana bukan semua orang mampu untuk berhadapan dengan persekitaran baharu kerana ia melibatkan proses transisi kehidupan yang mana seseorang itu perlu berinteraksi dengan orang yang tidak dikenali dalam masa yang singkat (*Towbes & Cohen*, 1996). Justeru, bagi kes pelajar, didapati sesetengah pelajar tidak boleh menumpukan perhatian di dalam kelas kerana mereka berasa sukar untuk berkenalan dengan orang baru. Hal ini menyebabkan prestasi akademik mereka terjejas

kerana tiadanya hubungan interpersonal bersama orang luar. Jelas sekali apabila interaksi sosial lemah, maka aktiviti harian pelajar juga akan terkesan yang menyebabkan mereka kurang bersemangat untuk meneruskan pengajian.

Di samping itu, persaingan dalam akademik, pengurusan kewangan dan penjagaan kesihatan (Misra & Mckean, 2000) serta beban kerja dan pengurusan dan pengajaran di tempat pengajian (Rosalind *et al.*, 1999) dilihat turut menjadi punca tekanan dalam diri seseorang individu. Namun, pencapaian wanita dalam pengurusan emosi (EQ) adalah lebih baik daripada lelaki (Patrick & Furnham, 2002) disebabkan wanita lebih cepat mengalami proses kematangan dan berupaya untuk menjalinkan hubungan sosial bersama-sama rakan sebaya. Wanita juga mempunyai sifat empati yang membolehkan mereka mengawal emosi dan tahap tekanan mereka (Kyung Hee, 1998). Manakala, dalam kes EQ dalam kalangan pelajar, tahap pencapaian akademik di tempat pengajian menunjukkan wanita kurang menggunakan perasaan dan mampu mengawal perasaan kecewa apabila menghadapi masalah berbanding pelajar lelaki.

Prestasi pelajar

Kecemerlangan pelajar sebenarnya mencerminkan pelbagai aspek seperti pencapaian akademik, taraf kesihatan, personaliti yang dimiliki dan kemahiran sosial yang tinggi. Namun, sering kali pelajar dinilai dari segi pencapaian dalam pendidikan (akademik) yang mana apabila seseorang pelajar itu mendapat keputusan peperiksaan yang baik, maka prestasi pelajar tersebut adalah dianggap cemerlang (Norhamiza, 2005).

Jika diperhalusi akan faktor yang menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar, taraf sosioekonomi keluarga menjadi antara faktor yang penting kerana ia melibatkan pengurusan kewangan yang mana ia akan mendorong pelajar sama ada bersemangat atau tidak bersemangat untuk menimba ilmu (Mohd Zainal, 2004). Selain itu, pelajar yang datang dari keluarga yang bertaraf ekonomi tinggi juga didapati dapat menikmati persekitaran pembelajaran yang menggalakkan (Amy, 2003). Justeru, tidak mustahil untuk mereka memperolehi pencapaian akademik yang lebih baik. Walaubagaimanapun, pelajar yang datang daripada keluarga bertaraf sosioekonomi rendah biasanya dikekang dengan pelbagai masalah seperti terpaksa bekerja membantu keluarga, tidak dapat membeli peralatan dan bahan pembelajaran yang akhirnya akan memberi kesan kepada prestasi pembelajaran mereka (Mohamad Johdi *et al.*, 2009). Kesannya, mereka boleh menjadi pendiam dan tidak bersosial bersama rakan-rakan. Perkara ini juga akan membawa kepada penurunan prestasi dalam akademik kerana

kurangnya interaksi dalam menimba ilmu pengetahuan. Selain itu, faktor motivasi juga boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi pelajar (Norhamiza, 2005). Mental dan fizikal yang cerdas akan menggerakkan pelajar untuk kekal sihat dan berfikiran positif, lantas mereka boleh memberi tumpuan dalam akademik walaupun mempunyai masalah kewangan mahupun masalah peribadi. Motivasi yang tinggi turut membuatkan pelajar lebih bersemangat untuk menyelesaikan sesuatu masalah dengan menggunakan ilmu pengetahuan yang dimiliki.

Metodologi

Persampelan

Memandangkan kajian ini hanya mengkaji hubungan antara kewangan, tahap tekanan dan prestasi pelajar, maka seramai 255 responden telah dipilih daripada kalangan pelajar di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP), Universiti Kebangsaan Malaysia. Pemilihan sampel dilakukan secara rawak mudah. Data dikumpulkan menerusi pendedaran soal selidik dan dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan program SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*) versi 16.

Instrumen kajian

Borang soal selidik bagi kajian ini terdiri daripada lima bahagian yang mengandungi *closed-ended questions* serta perlu diisi sendiri oleh responden (*self-administered*). Secara spesifik, bahagian pertama mengandungi soalan-soalan berkaitan latar belakang atau sosiodemografi responden seperti jantina, bangsa, umur, pendapatan ibubapa dan sumber kewangan. Bahagian kedua pula terdiri daripada soalan berkaitan kewujudan masalah kewangan dalam kalangan responden, bahagian ketiga menghamparkan soalan mengenai keutamaan perbelanjaan responden mengikut item tertentu dan bahagian keempat melihat gelagat responden berkaitan pengurusan kewangan. Selanjutnya, bahagian kelima mengandungi soalan berkenaan kekangan kewangan yang dihadapi, manakala bahagian keenam, ketujuh dan kelapan masing-masing mengajukan soalan tentang kesan daripada masalah kewangan terhadap prestasi akademik, tahap tekanan dan personaliti responden. Akhir sekali, soalan berkenaan langkah mengurangkan tekanan dipaparkan pada bahagian kesembilan. Kebolehpercayaan konstruk instrumen yang dibina dalam kajian ini telah diuji dengan melakukan analisis Cronbach's alpha. Didapati nilai bagi ujian tersebut melebihi daripada 0.6.

Hasil Kajian

Profil responden

Bahagian ini bertujuan melihat secara keseluruhan profil responden. Jadual 1 memaparkan analisis frekuensi (kekerapan) dan peratusan bagi responden. Secara umumnya dari aspek demografi, kebanyakan responden terdiri daripada golongan wanita (87.5%) dan ini bersesuaian dengan situasi semasa di FEP serta selari dengan kajian Xu dan Farell (1992) yang menegaskan kemasukan pelajar wanita jauh lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Di samping itu, banyak antara responden merupakan pelajar berbangsa Melayu (89.4%), pelajar tahun satu (41.2%), pelajar program ekonomi (40.4%), berumur dalam lingkungan 19 hingga 21 tahun (60.4%) dan memperoleh PNGK sekitar 3.00 hingga 3.49 (63.9%). Manakala, dari sudut sosioekonomi, kebanyakan responden datang daripada keluarga berpendapatan rendah atau mempunyai ibu bapa dengan pendapatan dalam kelompok B40 (60.8%) dan merupakan peminjam PTPTN (42.4%).

Kewujudan masalah kewangan

Berkait persoalan mengenai kewujudan masalah kewangan dalam kalangan mahasiswa, Jadual 2 memperlihatkan 43.1 peratus responden mengaku menghadapi masalah kewangan. Namun, didapati kebanyakan pelajar yang mempunyai masalah kewangan tersebut adalah golongan wanita (35.6%), berbangsa Melayu (38.4%) dan pelajar program ekonomi (22.0%). Dalam masa yang sama, pelajar muda yang berusia 19 hingga 21 tahun (29.0%) serta pelajar tahun 1 (16.9%) dan tahun 2 (18.4%) yang baru memasuki universiti turut dilihat mendominasi kelompok mahasiswa yang mempunyai masalah kewangan. Hal ini mungkin disebabkan mereka masih belum cekap dan matang dalam menguruskan kewangan peribadi. Rentetan itu, pelajar seharusnya diwajibkan mengikut kursus pengurusan kewangan dari tahun 1 pengajian lagi agar ilmu yang diperoleh dapat terus dipraktikkan dalam kehidupan seharian di kampus. Selain itu, dapatan turut membuktikan bahawa mahasiswa yang menghadapi masalah kewangan tidak mampu memperoleh keputusan akademik yang lebih cemerlang apabila kebanyakan mereka hanya memperoleh PNGK sekitar 3.00 hingga 3.49 (27.8%). Lantas, keluarga, pihak pengurusan universiti, pihak kerajaan dan pihak swasta perlu membantu pelajar tersebut dalam menangani masalah kewangan yang dihadapi menerusi sokongan moral, motivasi dan program tertentu yang berkaitan supaya pelajar tersebut lebih cemerlang dalam akademik dan tidak terperangkap dalam masalah kewangan yang lebih kritikal dan berpanjangan. Seperkara yang perlu diberi perhatian di sini juga adalah kebanyakan pelajar

yang bermasalah kewangan tersebut datang daripada keluarga berpendapatan rendah atau dalam kelompok pendapatan B40 (31.8%). Justeru, pelajar ini seharusnya dibantu agar mereka lebih cemerlang dalam bidang akademik serta menjadi contoh kepada pelajar yang lain. Cerapan terhadap sumber kewangan pula menunjukkan banyak daripada pelajar yang mempunyai masalah kewangan merupakan peminjam PTPTN (22.4%). Hal ini mungkin akibat daripada jumlah pinjaman PTPTN yang tidak sebanyak pinjaman atau biasiswa lain. Namun, memandangkan jumlah pinjaman PTPTN adalah berbeza antara pelajar, maka berkemungkinan pelajar yang mempunyai ibu bapa dengan pendapatan agak tinggi hanya memperoleh jumlah pinjaman yang sedikit sahaja walaupun banyak dalam kalangan ahli keluarga mereka yang masih belajar dan ditanggung sendiri oleh ibu bapa mereka.

Jadual 1: Profil Responden

Latar Belakang Responden		Kekerapan (n)	Peratusan (%)*
Jantina	Lelaki	32	12.5
	Wanita	223	87.5
Bangsa	Melayu	228	89.4
	Cina	19	7.5
	India	6	2.4
	Lain-lain	2	0.8
Tahun pengajian	1	105	41.2
	2	83	32.5
	3	55	21.6
	4	12	4.7
Program pengajian	Ekonomi	103	40.4
	Perniagaan	76	29.8
	Keusahawanan	14	5.5
	Perakaunan	62	24.3
Umur	19-21	154	60.4
	>22	101	39.6
PNGK	3.67-4.00	29	11.4
	3.50-3.66	38	14.9
	3.00-3.49	163	63.9
	<2.99	25	9.8
Pendapatan isi rumah/ibu bapa	B40	155	60.8
	M40	81	31.8
	T20	19	7.5
Sumber kewangan	JPA	66	25.9
	PTPTN	108	42.4
	Ibu-bapa	61	23.9
	Lain-lain	20	7.8

* Peratusan daripada bilangan keseluruhan responden (n=255)

Jadual 2: Profil Responden yang Mempunyai Masalah Kewangan

Latar Belakang Responden		Kekerapan (n)	Peratusan (%)*
Menghadapi masalah kewangan		110	43.1
Jantina	Lelaki	19	7.5
	Wanita	91	35.6
Bangsa	Melayu	98	38.4
	Cina	6	2.4
	India	4	1.6
	Lain-lain	2	0.7
Tahun pengajian	1	43	16.9
	2	47	18.4
	3	18	7.1
	4	2	0.7
Program pengajian	Ekonomi	56	22
	Perniagaan	31	12.2
	Keusahawanan	8	3.1
	Perakaunan	15	5.8
Umur	19-21	74	29
	>22	36	14.1
PNGK	3.67-4.00	8	3.1
	3.50-3.66	13	5.1
	3.00-3.49	71	27.8
	<2.99	18	7.1
Pendapatan isi rumah/ibu bapa	B40	81	31.8
	M40	26	10.2
	T20	3	1.2
Sumber kewangan	JPA	17	6.7
	PTPTN	57	22.4
	Ibu-bapa	25	9.8
	Lain-lain	11	4.2

* Peratusan daripada bilangan keseluruhan responden (n=255)

Gelagat perbelanjaan

Seterusnya, bahagian ini akan mengupas isu tentang gelagat perbelanjaan dalam kalangan mahasiswa yang mempunyai masalah kewangan. Berdasarkan Jadual 3, didapati banyak pelajar yang mempunyai masalah kewangan berbelanja secara baik dan berhemah dengan memberi lebih peruntukan perbelanjaan terhadap keperluan makanan berat harian (41.1%) dan keperluan akademik (38.1%). Selain itu, memandangkan kebanyakan pelajar yang bermasalah kewangan ini datang daripada keluarga pendapatan rendah (B40), maka mereka turut memberi sedikit wang biasiswa atau pinjaman untuk membantu keluarga (24.3%). Dalam masa yang sama, 27

peratus daripada golongan pelajar tersebut dilihat turut mengasingkan 10 peratus daripada wang biasiswa atau pinjaman untuk tujuan simpanan.

Jadual 3: Gelagat Perbelanjaan dalam Kalangan Mahasiswa yang Mempunyai Masalah Kewangan

Item Perbelanjaan		Kekerapan (n)	Peratusan (%)*
Keperluan makanan berat harian.	Utama	105	41.1
	Kurang Utama	5	2
Keperluan akademik seperti buku teks.	Utama	97	38.1
	Kurang Utama	13	5.0
Melancong bersama rakan-rakan semasa cuti semester.	Utama	21	8.2
	Kurang Utama	89	77.9
Memberi sedikit wang biasiswa atau pinjaman untuk membantu keluarga.	Utama	62	24.3
	Kurang Utama	48	18.8
Mengasingkan 10% daripada wang biasiswa atau pinjaman untuk simpanan.	Utama	69	27
	Kurang Utama	41	16.1

* Peratusan daripada bilangan keseluruhan responden (n=255)

Amalan pengurusan kewangan yang baik

Analisis terhadap amalan pengurusan kewangan yang baik dalam kalangan mahasiswa yang mempunyai masalah kewangan seperti dalam Jadual 4 mencerminkan kebanyakan pelajar tersebut masih tidak mengamalkan pengurusan kewangan yang baik kerana mereka tidak membuat akaun simpanan (23.5%) dan tidak membuat catatan duit keluar dan masuk (30.5%). Hal ini mungkin disebabkan mereka belum mengikuti kursus kewangan peribadi sama ada secara *offline* atau *online* (33.7%). Dengan kemajuan teknologi terkini serta kecenderungan generasi era ini untuk melayari Internet, maka sepatutnya pelajar menggunakan telefon pintar, komputer dan gajet yang ada untuk mencari ilmu pengetahuan mengenai pengurusan kewangan peribadi secara *online* sahaja agar ia dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Namun begitu, tidak dinafikan bahawa satu-satunya pengurusan kewangan yang baik dan diamalkan oleh pelajar yang mempunyai masalah kewangan tersebut adalah mereka menyimpan setiap resit pembelian untuk mengetahui ke mana wang telah

dibelanjakan (23.9%). Secara keseluruhan, dapatlah dikatakan bahawa walaupun pelajar yang mempunyai masalah kewangan berbelanja secara berhemah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3, tetapi mereka sebenarnya masih belum mempraktikkan pengurusan kewangan yang baik.

Jadual 4: Amalan Pengurusan Kewangan yang Baik dalam Kalangan Mahasiswa yang Mempunyai Masalah Kewangan

Amalan Pengurusan Kewangan		Kekerapan (n)	Peratusan (%)*
Anda membuat akaun simpanan asing di mana akaun itu tidak akan diusik kecuali untuk kecemasan.	Tidak	60	23.5
	Ya	50	19.6
Anda menyimpan setiap resit pembelian untuk mengetahui ke mana wang dibelanjakan.	Tidak	49	19.2
	Ya	61	23.9
Anda mengikuti kursus pengurusan kewangan peribadi sama ada secara <i>offline</i> atau <i>online</i> .	Tidak	86	33.7
	Ya	24	9.4
Anda membuat catatan duit keluar dan masuk supaya dapat mengehadkan perbelanjaan yang tidak perlu.	Tidak	78	30.5
	Ya	32	12.5
Anda membuat simpanan di dalam balang dengan mengasingkan warna wang seperti RM1, RM5, RM20.	Tidak	80	31.4
	Ya	30	11.8

*Peratusan daripada bilangan keseluruhan responden (n=255)

Masalah/kekangan kewangan pelajar

Dapatan dalam Jadual 5 membuktikan sumber kewangan yang diperoleh tidak mencukupi bagi setiap semester (32.9%) merupakan kekangan kewangan utama dalam kalangan mahasiswa yang mempunyai masalah kewangan. Tetapi, masalah tersebut tidak menyebabkan pelajar terbabit lewat membayar yuran pengajian (22.3%). Oleh itu, pembiaya dana pendidikan, tidak kira sama ada pihak kerajaan mahupun swasta, harus sentiasa mengemas kini dan memastikan jumlah pinjaman atau biasiswa yang ditawarkan mencukupi dan dapat menampung keperluan pelajar terutama dalam zaman Revolusi Perindustrian 4 ini yang menuntut pelajar berbelanja terhadap barangan digital bagi tujuan pembelajaran.

Jadual 5: Kekangan Kewangan dalam Kalangan Mahasiswa yang Mempunyai Masalah Kewangan

Kekangan Kewangan		Kekerapan (n)	Peratusan (%)*
Sumber kewangan yang diperolehi setiap semester tidak cukup untuk menampung perbelanjaan harian anda.	Tidak	26	10.2
	Ya	84	32.9
Anda mempunyai masalah kewangan sehingga terpaksa melewatkan pembayaran yuran pengajian.	Tidak	57	22.3
	Ya	53	20.8
Anda menghadapi masalah had kelayakan untuk mendapatkan biasiswa disebabkan oleh pendapatan ibu bapa yang tinggi.	Tidak	80	31.4
	Ya	30	11.7

*Peratusan daripada bilangan keseluruhan responden (n=255)

Kesan masalah kewangan terhadap prestasi akademik

Seterusnya, keputusan yang tertera dalam Jadual 6 menunjukkan bahawa masalah kewangan yang dihadapi oleh mahasiswa tidak menjejaskan prestasi akademik mereka. Hal ini kerana pelajar yang mempunyai masalah kewangan tersebut mampu menyiapkan tugas yang diberi dalam masa yang ditetapkan (32.9%), dapat menghadiri kelas (38.0%) serta berupaya menjawab peperiksaan dengan baik (35.6%). Kemampuan pelajar tersebut untuk kekal fokus dengan pembelajaran walaupun mereka sedang menghadapi masalah kewangan mungkin disebabkan mereka ada menerima bantuan kewangan dan bukan kewangan (tidak kira sama ada secara formal atau tidak formal) daripada pihak pengurusan universiti yang membolehkan mereka belajar dan menjalani kehidupan di kampus dengan tenang seperti program agihan makanan bersubsidi di *Food Charity Corner FEP*. Bantuan sebegini harus dipergiatkan lagi kerana ia sebenarnya dapat meningkatkan kebajikan pelajar yang merupakan sebahagian besar warga UKM.

Jadual 6: Kesan Masalah Kewangan terhadap Prestasi Akademik

Kesan terhadap Prestasi Akademik		Kekerapan (n)	Peratusan (%)*
Tidak dapat menyiapkan tugas yang diberi dalam masa yang ditetapkan apabila menghadapi masalah kewangan.	Tidak	84	32.9
	Ya	26	10.2
Tidak dapat hadir ke kelas kerana berasa tertekan dengan masalah kewangan yang dihadapi.	Tidak	97	38
	Ya	13	5.1

Jadual 6 (sambungan)

Kesan terhadap Prestasi Akademik		Kekerapan (n)	Peratusan (%)*
Tidak dapat menjawab peperiksaan dengan baik apabila menghadapi masalah kewangan.	Tidak	91	35.6
	Ya	19	7.5

*Peratusan daripada bilangan keseluruhan responden (n=255)

Kesan masalah kewangan terhadap tahap tekanan pelajar

Memandang bahagian sorotan kajian lepas sebelum ini telah menjelaskan bahawa pengurusan kewangan yang tidak baik turut menyebabkan pelajar mengalami tekanan, maka hampan keputusan dalam Jadual 7 akan merungkai persoalan tersebut. Secara spesifik, didapati kebanyakan mahasiswa yang mengalami masalah kewangan berasa tertekan dengan masalah tersebut (28.6%) serta berasa kecewa apabila tidak pandai menguruskan perbelanjaan peribadi (28.2%) dan tidak dapat membantu keluarga yang memerlukan wang (35.6%). Rentetan itu, keluarga dan pihak kerajaan (terutama menerusi pihak pengurusan univesiti) harus sentiasa memberikan motivasi dan menyediakan kemudahan atau perkhidmatan tertentu agar pelajar terbabit tidak terlibat dengan gejala tekanan yang melampau akibat daripada masalah kewangan yang dihadapi.

Jadual 7: Kesan Masalah Kewangan terhadap Tahap Tekanan Mahasiswa

Kesan terhadap Tahap Tekanan		Kekerapan (n)	Peratusan (%)*
Saya berasa tertekan dan murung apabila menghadapi masalah kewangan.	Tidak	37	14.5
	Ya	73	28.6
Saya berasa kecewa kerana tidak pandai menguruskan perbelanjaan peribadi.	Tidak	38	14.9
	Ya	72	28.2
Saya berasa kecewa apabila tidak dapat membantu keluarga yang memerlukan wang.	Tidak	19	7.5
	Ya	91	35.6
Saya berasa tertekan apabila tidak dapat menyertai kawan-kawan untuk melancong kerana kekurangan wang.	Tidak	70	27.4
	Ya	40	15.7
Saya berasa tertekan apabila ibu bapa meminta bantuan kewangan setelah wang biasiswa/pinjaman diperoleh.	Tidak	86	33.8
	Ya	24	9.3

*Peratusan daripada bilangan keseluruhan responden (n=255)

Kesan masalah kewangan terhadap personaliti/keperibadian pelajar

Selanjutnya, Jadual 8 mengesahkan bahawa masalah kewangan yang dihadapi oleh mahasiswa tidak memberikan kesan negatif terhadap personaliti mereka. Hal ini kerana kebanyakan pelajar yang bermasalah kewangan tersebut tidak berkurung di dalam bilik (33.3%) dan tidak berdiam diri daripada orang sekeliling (28.7%). Secara langsung, hal ini mencerminkan pelajar terbabit masih mampu mengawal emosi dan minda walaupun mereka sebenarnya sedang bergelut dengan masalah kewangan. Perlu diingatkan bahawa hanya dengan emosi dan minda yang stabil sahaja akan membolehkan mahasiswa belajar dengan baik. Lantas, sokongan, bantuan dan kerjasama daripada semua pihak terutamanya keluarga, rakan-rakan, pensyarah dan pihak pengurusan universiti amat diperlukan untuk mengelakkan pelajar yang mempunyai masalah kewangan terbabit dengan kelakuan abnormal. Rentetan itu, dapatlah disimpulkan bahawa walaupun Jadual 7 menunjukkan pelajar merasa agak tertekan apabila menghadapi masalah kewangan, tetapi masalah tersebut tidak menjejaskan personaliti mereka.

Jadual 8 Kesan Masalah Kewangan terhadap Keperibadian Mahasiswa

Kesan terhadap keperibadian		Kekerapan (n)	Peratusan (%)*
Berkurung di dalam bilik apabila tidak dapat menyelesaikan masalah kewangan.	Tidak	85	33.3
	Ya	25	9.8
Berdiam diri daripada orang sekeliling ketika menghadapi masalah kewangan.	Tidak	73	28.7
	Ya	37	14.4
Tidak akan meminta pendapat orang lain bagi menyelesaikan masalah kewangan.	Tidak	66	25.9
	Ya	44	17.2

*Peratusan daripada bilangan keseluruhan responden (n=255)

Langkah/tindakan untuk mengurangkan tekanan

Lanjutan daripada Jadual 7 di atas yang menegaskan bahawa pelajar berasa agak tertekan apabila menghadapi masalah kewangan, maka bahagian ini akan menganalisis langkah yang dilakukan oleh pelajar tersebut dalam mengurangkan tekanan yang dihadapi. Berpandukan Jadual 9, dapatan menunjukkan mahasiswa yang mempunyai masalah kewangan cenderung keluar bersama rakan-rakan bagi mengurangkan rasa tertekan (33.6%). Di samping itu, mereka juga berusaha terlebih dahulu untuk menyelesaikan

masalah kewangan menerusi pembacaan di Internet (24.3%) dan bekerja sambilan (24.7%). Tindakan mereka ini dianggap bijak kerana apabila masalah kewangan dapat diatasi, maka tentu sekali tahap tekanan pelajar akan berkurang. Namun begitu, banyak pelajar terbabit tidak akan meminta pertolongan daripada pihak luar (35%). Lantas, secara tidak langsung, dapatan ini melontarkan satu cabaran kepada warga pentadbiran universiti untuk turut sama membantu pelajar agar mereka dapat belajar dalam suasana yang lebih tenang dan harmoni.

Jadual 9: Langkah untuk Mengurangkan Tekanan dalam Kalangan Mahasiswa yang Mempunyai Masalah Kewangan

Langkah Mengurangkan Tekanan		Kekerapan (n)	Peratusan (%)*
Saya keluar bersama rakan-rakan bagi mengurangkan rasa tertekan.	Tidak	24	9.5
	Ya	86	33.6
Saya berkongsi masalah kewangan bersama dengan keluarga terutamanya ibu dan ayah supaya tahap tekanan berkurang.	Tidak	57	22.4
	Ya	53	20.7
Saya berjumpa dengan orang yang lebih berpengalaman untuk menyelesaikan masalah kewangan supaya tahap tekanan berkurang.	Tidak	58	22.8
	Ya	52	20.3
Saya membuat pembacaan di Internet untuk menyelesaikan masalah kewangan supaya tahap tekanan berkurang.	Tidak	48	18.8
	Ya	62	24.3
Saya akan bekerja sambilan untuk menyelesaikan masalah kekurangan wang supaya tahap tekanan berkurang.	Tidak	47	18.4
	Ya	63	24.7
Saya akan meminta pertolongan daripada pihak luar seperti fakulti pengajian atau pensyarah.	Tidak	89	35
	Ya	21	8.3

*Peratusan daripada bilangan keseluruhan responden (n=255)

Rumusan dan Implikasi Dasar

Secara keseluruhannya, terdapat beberapa dapatan penting yang diperoleh. Pertama, sebanyak 43.1 peratus pelajar menyatakan bahawa mereka mempunyai masalah kewangan dengan kebanyakan responden ialah pelajar berbangsa Melayu, golongan wanita, pelajar tahun 1 dan 2, pelajar yang

berumur dalam lingkungan 19 hingga 21 tahun, pelajar yang memperoleh PNGK sekitar 3.00 hingga 3.49, pelajar daripada keluarga dengan pendapatan rendah dan peminjam PTPTN. Kedua, pelajar yang menghadapi masalah kewangan tersebut mempunyai keutamaan perbelanjaan yang betul dengan memperuntukan lebih perbelanjaan terhadap makanan harian dan keperluan akademik, tetapi mereka masih tidak mengamalkan pengurusan kewangan yang baik. Hal ini mungkin disebabkan banyak antara mereka masih belum pernah mengikuti kursus pengurusan kewangan peribadi tidak kira sama ada secara *offline* ataupun *online* memandangkan kebanyakan responden merupakan pelajar tahun 1 dan 2 yang mungkin belum mengikuti subjek yang mempunyai silibus berkaitan pengurusan kewangan. Ketiga, sumber kewangan yang tidak mencukupi bagi menampung perbelajaan harian merupakan masalah utama yang dihadapi dalam kalangan mahasiswa yang mempunyai masalah kewangan. Namun, masalah tersebut tidak menyebabkan mereka lewat membayar yuran pengajian. Keempat, walaupun kebanyakan pelajar yang menghadapi masalah kewangan berasa tertekan dan kecewa apabila menghadapi masalah kewangan, tetapi masalah tersebut tidak menjejaskan prestasi akademik dan personaliti pelajar terbabit. Kelima, didapati pelajar yang mengalami masalah kewangan akan keluar bersama rakan-rakan serta berusaha menyelesaikan masalah kewangan menerusi pembacaan di Internet dan bekerja sambil bagi mengurangkan tahap tekanan yang dihadapi.

Rentetan itu, bagi mengurangkan lagi jumlah pelajar yang menghadapi masalah kewangan, maka pihak kerajaan mahupun swasta harus memperkasakan lagi tawaran pembiayaan pendidikan terutama sekali terhadap pelajar yang berasal dari keluarga dengan pendapatan rendah. Di samping itu, galakan terhadap ibu bapa untuk menabung dan membeli insurans bagi tujuan pendidikan anak-anak seawal anak tersebut lahir ke dunia perlu dipergiatkan lagi oleh semua pihak. Begitu juga dengan galakan untuk anak-anak menabung dan belajar melabur secara formal perlu turut dipergiatkan bermula dari usia prasekolah lagi. Adalah baik dan amat wajar jika kursus pengurusan kewangan dimasuk dan diwajibkan ke dalam kurikulum di semua peringkat pendidikan agar anak-anak alaf ini memahami cabaran pengurusan kewangan yang sebenarnya sejak dari awal lagi. Namun begitu, yang paling penting sekali ialah keluarga dan pihak kerajaan (terutama menerusi badan pengurusan universiti) perlu sentiasa memberikan motivasi kepada pelajar dan menyediakan kemudahan berkaitan agar pelajar berdaya tahan dan tidak merasa tertekan dengan masalah kewangan yang dihadapi. Hanya dengan emosi dan minda yang stabil dan sihat, maka ia dapat membantu meningkatkan lagi kecemerlangan pelajar dalam bidang akademik.

Rujukan

- Aisyah, A.R. & Wajeeha, Z. (2016). Faktor penentu pengurusan kewangan: kes mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19(2), 85-94.
- Amy D. (2001). *The Complete Tightwad Gazette*. Random House, Inc.
- Amy, J.O. (2003). Black-white differences in achievement: the importance of wealth. *Sociology of Education*, 76(4), 281-304.
- Azam, Z. (2007). *Tekanan dan daya tindak pelajar dwi major di Fakulti Ekologi Manusia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Bank Negara Malaysia. (2000). *Bank Negara Malaysia Terbitkan Buku Wang Saku dan Buku Perancangan dan Buku Penyata Kewangan Keluarga 2001*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Barjoyai, B. & Mohd Fairuz, M.S. (1996). *Pengurusan Kewangan Keluarga*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribution Sdn. Bhd.
- Bridgeman, B. & Wendler, C. (1995). Gender differences in predictors of college mathematics course grades. *Journal of Educational Psychology*, 83, 27-284.
- Campbell, R.L. & Svenson, L.W. (1992). Perceived level of stress among university undergraduate students in Edmonton, Canada. *Perceptual and Motor Skills*, 75, 552-554.
- Chai J. R. & Li, S.Y. (2004). Coupling analysis of seepage and stress fields in Xiantan Landslides in three Georges region. *Chinese Journal of Rock Mechanics and Engineering*, 23(8), 1280-1284.
- Che Rugayah, C.I. (2001). *Kajian kes pengurusan kewangan pelajar: satu tinjauan awal kepada keperluan kaunseling kewangan*. Institut Teknologi Tun Hussein Onn.
- Cude, B.J., Lawrence, F.C., Lyons, A.C., Metzger, K., Lejeune, E., Marks, L., & Machtmes, K. (2006). College students and financial literacy: What they know and what we need to learn. *Eastern Family Economics and Resource Management Association Conference*.

Dwyer, C.A. (1974). Influence on children's sex role standards on reading and mathematics achievement. *Journal of Educational Psychology*, 66, 811-816.

Fennema, E. & Richardson-Koehler, V. (1987). Sex related differences in education: myths, realities and intervention. *The handbook: A Research Perspective*, Longman Press, 329- 347.

Hallman, G.V. & Rosenbloom, J. S. (1993). *Personal Financial Planning*. United State of America: McGraw-Hill Inc.

Halpern, D.F. (1992). *Sex differences in cognitive abilities*. Hillsdale, N.J: L. Erlbaum Associates.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

KOSMO. (2006). *Pelajar di IPT Tidak Menggunakan Wang Pinjaman PTPTN untuk Keperluan Akademik*. Kuala Lumpur. Utusan Malaysia Publication.

Kyung, H.K. (1998). A preliminary study on the development of emotional intelligence rating scale for preschool children. *Korean Journal of Developmental Psychology*, 11(2), 31 – 48.

Macegeorge, E.L., Samter, W., & Gilihan, S.J. (2005). Academic stress, supportive communication and health, *Communication Education*, 4, 365-372.

Mastura, M., Fadilah, Z., & Nor Akmar, N. (2007). Analisis faktor penyebab stress di kalangan pelajar. *Jurnal Kemanusiaan*, 9, 62-72.

Misra, R. & McKean, M. (2000). College Students' academic stress and its relation to their anxiety, time management, and leisure satisfaction. *American Journal of Health Studies*, 16, 41-51.

Mohamad Johdi, S., Che Norain, H., Ismael, H., & Amir Hasan, D. (2009). Status sosio-ekonomi dan komitmen ibu bapa terhadap pencapaian pelajar dalam Penilaian Menengah Rendah, *Malaysia 14th International Conference on Education*. Sultan Hassanah Bolkiah Institute of Education Universiti Brunei Darussalam.

Mohd. Fazli, S., Mohd. Amim, O., Jariah, M., & Laily, P. (2006). *Perancangan Kewangan Mahasiswa. Petaling Jaya*. Gems Publishing Sdn. Bhd.

Mohd Zainal., M.I. (2004). *Hubungan di antara status sosio ekonomi keluarga dengan pencapaian akademik: Satu kajian ke atas pelajar aliran teknikal di Sekolah Menengah Teknik Negeri Sembilan*. Universiti Tun Hussein Onn.

Netty Zahura, A.A. (2006). *Amalan pengurusan wang di kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Kemahiran Hidup Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia.

Noor A'lim, M.Y. (2005). *Ringgit dan poket*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Noraziah, A., Ranimah, Y., & Hasnah, A. (2008). Pola bekerja sambil kalangan pelajar sekolah menengah di Daerah Melaka Tengah dan implikasinya terhadap prestasi pembelajaran di sekolah, 3 (3).

Norhamiza, M.N. (2005). Sumbangan aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek serta kaitannya dengan kecemerlangan akademik di kalangan pelajar kejuruteraan Sekolah Menengah Teknik.

Nurhafizah, M. & Muhammad, H. (2017). Pengetahuan dan gelagat berbelanja selepas cukai barangan dan perkhidmatan (GST) dilaksanakan. Kajian ke atas mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *Seminar Pendidikan Serantau ke VIII*. 1044-1051.

Patricks, K.V. & Furnham, A. (2000). Gender differences in measured and self-estimated trait emotional intelligence. *Sex Roles*, 42(5-6), 449 – 461.

Redhwan, A.A.N., Sami, A.R., Karim, A.J., Chan, R., & Zaleha, M.I. (2009). Stress and coping strategies among Management and Science University students: A qualitative study. *International Medical Journal*, 8(2), 11–15.

Rosalind, M.H., Halia, S., & Judith, S. (1999). A cross cultural comparison of student concerns in the teaching practicum. *International Education Journal*, 11(1), 32-44.

Rubayah, Y., Hawati, J., & Nur Ain, Khamis. (2015). Tahap literasi kewangan dalam kalangan pelajar universiti awam: Kajian di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalita Pelajar*, 18(1), 75-88.

Siti Nur Haziratul, G. (2012). Faktor-faktor yang mempengaruhi stress dalam kalangan pelajar kursus secara sambilan bidang kejuruteraan di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Universiti Teknologi Malaysia.

Sosooshian, S. & Tan, S.T. (2014). Spending behavior of a case of Asian university students. *Asian Social Science*, 10(2), 64-69.

Sumathi, V. & Gunasundari, K. (2016). Problem faced by the women entrepreneurs in India. *International Journal of Management Research and Reviews*, 6(3), 348-354.

Tamar Jaya, N. & Nor Syahidah, A. (2010). *Persepsi pelajar Sarjana Muda Sains serta Pendidikan Pengajian Islam terhadap kerja sambilan*. Universiti Teknologi Malaysia.

Tinklin, T. (2000). The influence of social background on application and entry to higher education in Scotland: a multi-level analysis. *Higher Education Quarterly*, 54(4), 367-385.

Towbes, L.C. & Cohen, L.H. (1996). Chronic stress in the lives of college students: scale development and prospective of distress. *Journal of Youth and Adolescence*, 25, 199-217.

Utusan Malaysia. (2017). *Wanita Banyak Berbelanja, Namun Berhemat-AKPK*. Kuala Lumpur: Utusan Malaysia.

Utusan Malaysia. (2011). *Punca Wanita Hadapi Tekanan Jiwa- Terpaksa Pikul Pelbagai Beban Masalah Keluarga dan Rumah Tangga*. Kuala Lumpur: Utusan Malaysia Publication.

Wan Mustaffa, W.Y., Abd Razak, M., & Wan Mohd Rashid, W.A. (2013). Corak perbelanjaan dalam kalangan pelajar politeknik: Satu kajian kes di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. *Technical and Education Colloquium (PTS)*.

Wright, J.J. (1967). Reported personal stress sources and adjustment of entering freshmen. *Journal of Counseling Psychology*, 14(4), 371-373.

Xu, J. & Farrell, E. (1992). Mathematics performance of Shanghai school students: a preliminary look at gender differences in another culture. *School Science and Mathematics*, 92, 442-447.

Yusliza, M.Y. (2004). *Tekanan di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi: satu kajian kes di UKM. Latihan Ilmiah*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.